



Ruj. tuan :
Ruj. kami : JKNS/KAV/730/01-04 Jld.7 (37)
Tarikh : 9 Mac 2020

SENARAI EDARAN

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan

KEY POINTS HASIL MESYUARAT SEMAKAN KEMATIAN DENGGI NEGERI SELANGOR BIL 4/2020 SEHINGGA BIL 6/2020

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara diatas.

2. Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) komited ke arah mencapai sasaran Kadar Kematian Demam Denggi - *Case Fatality Rate* (CFR) <0.2% seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

3. Mesyuarat Semakan Kematian Denggi Peringkat Negeri Selangor Bil 4/2020, Bil 5/2020 dan Bil 6/2020 masing-masing telah diadakan pada 13, 20 dan 27 Februari 2020. Berikut adalah *key points* hasil mesyuarat tersebut sebagai perkara yang perlu diberi perhatian dan tindak susul oleh semua PTJ di Negeri Selangor:

3.1 **High index of suspicion for dengue cases**

Semua Pengamal Perubatan termasuk Pegawai Perubatan Locum sama ada di fasiliti kerajaan mahupun fasiliti swasta perlu meningkatkan *index of suspicion for dengue cases*, bagi kes demam terutamanya pesakit yang mempunyai *comorbidities*, demam dengan AGE dan *thrombocytopenia*

3.2 **Pemeriksaan vital sign**

5 *vital sign* utama perlu diperiksa secara tetap tanpa merujuk kepada simptom pesakit dan tujuan pesakit ke klinik

3.3 **Penggunaan Dengue Clerking Sheet (DCS) dan Home Monitoring Card (HMC) dalam kalangan pesakit demam denggi**

Semua kes demam/Viral Fever/Dengue Fever perlu menggunakan *Dengue Clerking Sheet* (DCS) dan *Home Monitoring Card* (HMC) bagi memastikan pesakit di beri nasihat mengenai tanda-tanda awal dan *warning sign*. Pengesanan awal membolehkan rawatan sewajarnya dapat diberi dengan segera bagi mengelakkan komplikasi yang lebih teruk (dilampirkan *Fever Clerking Sheet & Dengue Clerking Sheet*).

...2/-

KEY POINTS HASIL MESYUARAT SEMAKAN KEMATIAN DENGGI NEGERI SELANGOR BIL 4/2020 SEHINGGA BIL 6/ 2020

3.4 Sistem rujukan antara jabatan di peringkat hospital

- i. Kes rujukan bagi *severe* denggi perlu ditriage ke Zon Merah dan kemasukan ke wad/ ICU perlu dijalankan dengan segera (*immediately*).
- ii. Pasukan Perubatan mesti bersedia (sama ada di Jabatan Kecemasan/ wad/ ICU) untuk menerima kes yang telah dirujuk dan perlu menjalankan *clinical assessment* segera pada kes yang dirujuk tanpa perlu meletakkan syarat tambahan.
- iii. *Passover case* antara Pakar Perubatan ke Pegawai Perubatan bagi kes yang dirujuk perlu diperkemasikan terutamanya melibatkan arahan semasa proses rujukan antara dua pihak.

3.5 Kes rujukan hospital swasta.

- i. Rujukan dari hospital swasta ke hospital kerajaan perlu dijalankan oleh Pakar Perubatan, Hospital Swasta ke Pakar Perubatan Hospital Kerajaan.
- ii. Memastikan surat rujukan ke fasili kesihatan yang lain diberikan kepada pesakit yang discaj atas kerelaan sendiri (*AOR discaj*) walaupun pesakit menolak untuk ujian dan rawatan lanjut di fasiliti asal.
- iii. Memandangkan pesakit berada di lokaliti wabak denggi, Pengamal Perubatan Swasta disarankan menyediakan perkhidmatan ujian darah seperti FBC atau Ujian Pengesanan Denggi (*Dengue Rapid test kits*). Jika, perkhidmatan tersebut tidak dapat disediakan, pesakit boleh dirujuk ke klinik kesihatan terdekat untuk rawatan lanjut
- iv. Mempertimbangkan perkhidmatan Neurosurgeri di hospital swasta jika tiada kekosongan perkhidmatan di hospital kerajaan.

3.6 Sampel Serotaip Denggi bagi kes *severe* denggi

Semua kes *severe* denggi perlu dihantar ke Makmal Kebangsaan Kesihatan Awam di Sungai Buloh *Dengue PCR* bagi menentukan Serotaip Denggi.

3.7 *Near miss transfusion error*

Siasatan lanjut kesilapan pelabelan produk darah (*near miss transfusion error*) mesti dijalankan oleh jabatan yang terlibat.

3.8 Saranan menyediakan Ujian Pengesanan Denggi

Bagi pesakit yang tinggal atau bekerja di lokaliti wabak denggi, Pengamal Perubatan Swasta disarankan menyediakan perkhidmatan ujian darah seperti FBC atau Ujian Pengesanan Denggi (*Dengue Rapid test kits*). Jika, perkhidmatan tersebut tidak dapat disediakan atau pesakit menolak untuk melakukan ujian tersebut di fasiliti swasta, pesakit boleh dirujuk ke klinik kesihatan atau Jabatan Pesakit Luar hospital terdekat untuk rawatan dan siasatan lanjut.

KEY POINTS HASIL MESYUARAT SEMAKAN KEMATIAN DENGGI NEGERI SELANGOR BIL 4/2020 SEHINGGA BIL 6/ 2020

3.9 Pemilihan jenis ujian pengesahan denggi iaitu antara ujian segera denggi (*rapid test kit*) dan Ujian Serologi Denggi

Rapid test kit denggi akan memberikan keputusan yang segera berbanding ujian serologi denggi. Keputusan yang segera dapat membantu meningkatkan pengurusan kes secara tepat dan optima. Jika tiada kemudahan ujian rapid denggi, komunikasi berkesan di antara pegawai wad perubatan dan makmal perlu ditingkatkan supaya ujian serologi denggi segera (*urgent test*) boleh dihantar (terutamanya pada hujung minggu) dan keputusan dapat diperolehi dengan segera mengikut masa yang diperuntukkan.

3.10 Elakkan preskripsi ubatan yang terlindung dengan tanda amaran denggi

Pemberian preskripsi kepada pesakit demam denggi seperti *Non-Steroidal Anti Inflammatory Drugs* (NSAIDs) dan anti-emetics perlu dielakkan kerana akan menyebabkan gejala dan tanda amaran demam denggi terlindung malahan menjadikan keadaan pesakit lebih teruk akibat komplikasi pendarahan dan sebagainya

3.11 Informasi lokaliti wabak denggi.

Informasi Lokaliti Wabak secara mingguan boleh dicapai melalui Aplikasi Khas idengue iaitu <http://idengue.arasm.gov.my/> atau laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia <http://www.moh.gov.my/>. Selain itu, aplikasi laman sosial pejabat kesihatan daerah seperti Facebook Pejabat Kesihatan Daerah Petaling juga menyediakan maklumat tersebut.


4. Sehubungan dengan itu, dimohon pihak Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan dapat menyampaikan maklumat ini kepada pegawai dan anggota kesihatan yang diselia agar perkhidmatan yang diberikan adalah komprehensif.

Kerjasama da

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' INDERA DR. SHA'ARI BIN NGADIMAN)
No Pendaftaran Penuh MPM: 26842, NSR:127761
Pengarah Kesihatan Negeri Selangor

DrZaleha/nf

**KEY POINTS HASIL MESYUARAT SEMAKAN KEMATIAN DENGGI NEGERI
SELANGOR BIL 4/2020 SEHINGGA BIL 6/ 2020**

s.k.:

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Ketua Unit
Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta, JKNS

Ketua Unit
Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor, JKNS

Ketua Unit
Unit Kesihatan Primer, JKNS

**KEY POINTS HASIL MESYUARAT SEMAKAN KEMATIAN DENGGI NEGERI
SELANGOR BIL 4/2020 SEHINGGA BIL 6/ 2020**

SENARAI EDARAN

Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Gombak

Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Petaling

Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat

Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat

Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Klang

Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor

Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Sepang

Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Sabak Bernam

Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Selangor

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan KLIA

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Pelabuhan Klang

Pengarah
Hospital Ampang

Pengarah
Hospital Banting

Pengarah
Hospital Kajang

Pengarah
Hospital Serdang

Pengarah
Hospital Sungai Buloh

**KEY POINTS HASIL MESYUARAT SEMAKAN KEMATIAN DENGGI NEGERI
SELANGOR BIL 4/2020 SEHINGGA BIL 6/ 2020**

Pengarah
Hospital Tanjung Karang

Pengarah
Hospital Kuala Kubu Bharu

Pengarah
Hospital Orang Asli Gombak

Pengarah
Hospital Selayang

Pengarah
Hospital Tengku Ampuan Jemaah (HTAJ)

Pengarah
Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR)

Pengarah
Hospital Shah Alam

Malaysian Medical Association
4th Floor, Bangunan MMA 124 Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur

Association of Private Hospitals of Malaysia
A-17-01, Menara UOA Bangsar
No 5, Jalan Bangsar Utama 1
59000 Kuala Lumpur

The Private Medical Practitioner's Association Of Selangor and Kuala Lumpur
Unit 1.6, Level 1, Enterprise 3B
Technology Park Malaysia (TPM)
Jalan Inovasi 1
Lebuhraya Puchong-Sungai Besi, Bukit Jalil
57000 Kuala Lumpur